



Salam Aidilfitri

1432H

BERITA

MELESTARI INFORMASI KOMUNITI BERINOVASI



Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan
Naib Canselor

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1 Malaysia,
Alhamdulillah, bersyukur kita kepada Allah SWT yang telah memberikan kesejahteraan kehidupan untuk kita semua sehingga ke hari ini. Kita diberikan kekuatan minda dan kesihatan yang baik untuk terus beramal dan merasai kenikmatan Ramadhan tahun ini. Tidak dilupakan, selawat serta salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana dengan pengorbanan dan perjuangan Bagindalah kita sebagai umat Islam, masih lagi dapat merasa dua nikmat kurniaan Ilahi yang akan memandu kita di akhirat kelak, iaitu Iman dan Islam. Justeru itu, wajar bagi kita untuk sentiasa berdoa dan bersyukur ke atas segala kenikmatan yang telah kita peroleh.

Ramadhan yang mulia, bakal berlalu pergi, dengan segala ibadah yang tidak ternilai dalam memupuk diri menjadi insan yang sentiasa mengasihi Allah SWT. Semoga Ramadhan kali ini, memberikan pengertian bermakna buat kita semua. Sebulan perjuangan kita melaksanakan jihad besar menentang hawa nafsu, lapar dan dahaga, maka tiba masanya untuk menyambut detik kemenangan, Hari Raya Aidilfitri.

Aidilfitri merupakan hari kemenangan dan kegembiraan bagi umat Islam di pelusuk dunia. Hari yang dikurniakan Allah SWT ini untuk meraikan kejayaan setelah sebulan menunaikan perintahNya. Maka, akan kedengaran laungan takbir dan tahmid bergema di seluruh ruang angkasa bumi umat Islam menandakan kemenangan dan bersyukur kepadaNya.

Namun, berlalunya Ramadhan, merupakan satu kesedihan bagi mereka yang beriman dan pemergiannya akan dirindui. Bulan Ramadhan merupakan bulan yang sangat agung dan mulia serta satu-satunya bulan yang disebutkan dalam Al-Quran. Namun, sebagai umat Islam yang prihatin, kita harus melakukan kebaikan dan amalan mahmudah pada bila-bila masa.

Di samping kita bergembira di hari kemenangan ini, perlu kita ingat akan saudara kita yang tidak berkemampuan. Mereka yang telah kehilangan ahli keluarga, ayah, ibu serta adik-beradik. Kerana di hari ini, mereka tidak dapat meraikan bersama orang yang tersayang. Justeru, penuhi Syawal dengan kesinambungan daripada amalan-amalan di bulan Ramadhan. Rapatkan ukhwah dengan jalinan silaturahim, kunjung mengunjung, maaf-bermaafan dan hormat-menghormati. Sememangnya amalan mulia ini menjadi pegangan masyarakat kita selamanya. Amalan inilah yang menjadi teras kesepakatan warga UTeM hingga hari ini.

Di samping memikirkan aspek mengurus-tadbir Universiti, warga UTeM akan terus mengalami proses transformasi berfokuskan strategi yang bermatlamat mencipta keunggulan Universiti Teknikal. Kepada warga UTeM, tidak kira siapa anda, sama ada ahli akademik, profesional, sokongan dan sebagainya memainkan peranan penting dalam mencapai transisi yang dihasratkan pada tahun ini. Kata kunci di sini adalah "berfokus". Kita tidak mahu terlalu banyak perkara yang ingin dicapai, namun di akhir tahun kesemuanya tidak mampu dicapai oleh PTJ.

Justeru itu, saya menasihatkan untuk menentukan fokus utama PTJ masing-masing sebelum mara ke hadapan. Usaha ini merupakan satu lagi anjakan yang bertujuan mengajak kita menghayati contoh-contoh ciri sebuah Universiti Teknikal, sekali gus melonjakkan UTeM sebagai universiti teknikal pertama di Malaysia. Hal ini dapat dilihat melalui Kerangka Strategi Balanced Scorecard (BSC) UTeM yang telah dijadikan rujukan utama dalam menentukan aktiviti kritikal yang perlu kita rancang dan laksanakan.

Akhir kata, bersamalah kita mentransformasi minda dan jiwa agar Syawal kali ini bukanlah sekadar rutin semata-mata. Jadikanlah ia, Syawal yang akan meningkatkan dan mengubah cara kehidupan kita selepas ini dengan menjadi hambaNya yang lebih hebat taqwanya serta berjaya memperoleh keredhaanNya.

Di kesempatan ini, saya ingin menyusun jari sepuluh memohon kemaafan bagi pihak diri saya, isteri dan keluarga di atas sebarang ketelanjangan. Saya berdoa agar semua warga UTeM dapat menyambut perayaan ini dengan penuh kegembiraan dan kesyukuran di samping mereka yang tersayang. Kepada staf yang ingin pulang ke kampung halaman, diharapkan agar sentiasa dilindungi Allah SWT dan selamat sampai ke destinasi yang dituju. Selamat Menyambut Aidilfitri saya ucapkan dan didoakan semoga Allah SWT menerima amalan kita sepanjang bulan Ramadhan. Sekian, Terima Kasih.

LG
173
.M44
.B47
2011
a
July



9 771985 47 0003

Salam Aidilfitri

Daripada Pengurusan Tertinggi Universiti



Prof. Dr. Mohd Noor bin Husain
Timbalan Naib Canselor
(Akademik Dan Antarabangsa)

Ramadhan kian berlalu, kini bahang kemeriahan Syawal semakin terasa. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua staf dan mahasiswa UTeM serta seluruh rakan strategik universiti. Semoga Aidilfitri yang bakal menjelang tidak lama lagi akan membawa cahaya kegembiraan di dalam hidup anda semua. Walaupun Syawal datang hanya setahun sekali, sambutlah ia dengan ertinya yang tersendiri. Teruskanlah amalan bermaafan sesama insan dan sentiasa menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan. Yang penting, sambutlah lebaran ini dengan sikap berhemah dalam perbelanjaan bagi mengelakkan pembaziran. Sekali lagi saya ucapkan Salam Lebaran Minal Aidil Wal Faizin kepada semua warga UTeM. Maaf Zahir dan Batin.

Prof. Datuk Dr. Mohamad Fadim bin Saaidi
Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa)

Alhamdulillah, sekali lagi dapat kita bersama-sama meraikan hari kebesaran ini setelah sebulan menjalankan ibadah puasa. Di kesempatan ini, saya ingin meletakkan harapan yang tinggi agar sambutan hari yang mulia ini membuka ruang kepada kita semua untuk memanjangkan ikatan silaturrahim sesama kita. Jika kesilapan semalam belum terampun, 'MAAFKANLAH'. Jika kesilapan hari ini menyakitkan hati, 'LUPAKANLAH'. Jika kesilapan esok mendatang, janganlah dibawa ke AKHIRAT. Akhir kalam, saya beserta keluarga tercinta, dan staf Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, mengambil kesempatan menyusun sepuluh jari, memohon ampun dan maaf kepada seluruh warga UTeM sekiranya ada tersilap kata dan terlanjur bicara yang tidak disengajakan.

*Cincin disarung hati berdebar,
Jari nan lembut terhias wajah,
Ramadan disambut penuh sabar,
Aidilfitri disambut dengan meriah.*



Engg. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman
Penolong Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Saya mengambil kesempatan ini menyusun sepuluh jari memohon ampun dan maaf bagi pihak diri saya dan seluruh warga HEPA sekiranya ada salah dan silap sepanjang memberikan perkhidmatan kepada semua. Sesungguhnya kami telah berusaha untuk menunaikan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan penuh dedikasi demi kepesatan dan kecemerlangan universiti ini. Terima kasih kepada seluruh warga HEPA, mahasiswa dan pengurusan UTeM yang sentiasa memberi komitmen yang tinggi di setiap program anjuran pejabat ini. Semoga sambutan hari raya ini akan mengukuhkan lagi ukhwah sesama kita. Di hari yang bahagia ini, jangan lupa tanggungjawab terhadap universiti, keluarga dan negara. Selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin.

Prof. Dr. Muhammad Ghazie bin Smail
Penolong Naib Canselor
(Jaringan Industri dan Masyarakat)

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada seluruh warga UTeM. Aidilfitri mengajak kita bersyukur atas nikmat kejayaan & kemenangan setelah berjaya mengharung bulan Ramadhan dengan berpuasa, melawan hawa nafsu, bersih dan suci dengan amalan amalan baik. Sebagai seorang muslim, kita yakin dengan anugerah Allah, maka kita berhak merayakan kegembiraan hari lebaran dengan bertakbir ALLAHU AKBAR, ALLAHU AKBAR, ALLAHU AKBAR. Saya juga ingin memohon maaf kiranya terkasar bahasa atau tersinggung perasaan sepanjang saya berada di UTeM. Kadang kala kita tidak sedar dan tidak sengaja menyebabkan orang lain tersinggung, justeru saya ingin menghulur sepuluh jari memohon ampun dan maaf. Kepada mereka yang bakal pulang ke kampung halaman masing-masing, berhati-hati di jalan raya dan ingatlah orang yang tersayang.



Ahsan Bin Saari
Pendaftar

Sebagai manusia biasa, kita tidak sempurna dan sering melakukan kesalahan serta kesilapan. Kesempatan yang ada sempena Idul Fitri ini, saya menyusun jari memohon kemaafan daripada semua warga UTeM sekiranya pernah menyakiti sama ada secara sengaja dan tidak disengajakan. Tiada yang lebih diharapkan selain mendapat kemaafan daripada anda semua. Itulah antara tanda kemenangan di Idul Fitri dan ia sungguh membahagiakan, Insya Allah.

Hajah Faridah Binti Hj. Md Amin
Ketua Pustakawan

Dalam meniti perjalanan hidup, semua terucap pasti ada yang berbekas. Beningkan hati dengan Zikrullah, agar hari yang dilalui disinari senyuman. Tetapkan langkah dengan penuh kesyukuran agar jiwa sebening air di kali dan hati seputih awan di langit. Dengan kerendahan hati, sepuluh jari disusun bagi membuka pintu hati naluri, memohon keikhlasan untuk memaafkan kesalahan diri dan seisi keluarga kepada semua agar kemenangan hakiki sama dirasai. Selamat Idul Fitri, Minal Aidzin Walfaizin, Mohon Maaf Zahir & Batin.

Hajah Faridah Binti Hj. Md Amin
Ketua Pustakawan



Khairul Bin Laib
Bendahari

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan "Selamat Hari Raya Aidilfitri" kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Maaf dipohon sekiranya ada salah dan silap yang tidak disengajakan. Semoga Hari Raya kali ini disambut dengan penuh kegembiraan bersama keluarga tersayang dan mengeratkan lagi hubungan silaturrahim sesama kita. Sekian, salam lebaran daripada saya dan keluarga.

*Sungai disusur sehari-hari,
Dalam gelap menangkap ikan,
Saya menyusun sepuluh jari,
Salah dan silap harap maafkan.*





UTeM IPTA Teknikal Pertama Tawar Program PhD Industri

25 Julai : Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengumumkan insentif sebanyak RM 50 ribu bagi membiayai golongan profesional yang melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Kejuruteraan melalui program Ijazah Kedoktoran Falsafah (MyPhD).

Perkara tersebut diumumkan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dalam ucapтамanya ketika menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) di antara Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan pihak industri di Putrajaya hari ini.

Katanya, menerusi program Doktor Kejuruteraan, pihak industri akan berganding bahu dengan universiti bagi menjalankan penyelidikan yang bakal memberi manfaat antara kedua-dua belah pihak.

Jelas Khaled lagi, penawaran Doktor Kejuruteraan oleh UTeM adalah sejajar dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan pekerja berdaya saing yang memiliki tahap pendidikan yang tinggi ke arah status negara maju.

“Usaha yang ditunjukkan oleh UTeM dalam menjalinkan hubungan erat dengan pihak industri harus diberi pujian kerana ianya secara tidak langsung akan menarik minat pelabur asing untuk

meningkatkan kapasiti pelaburan di negara ini kerana terdapatnya tenaga profesional yang pakar dalam bidang yang khusus,” kata Khaled.

Beliau berkata lagi, “Perkembangan ini juga menunjukkan pihak industri memberi kepercayaan kepada UTeM dalam melaksanakan program usahasama dan perkongsian kepakaran secara strategik,” jelas Khaled.


Sementara itu, Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan yang ditemui berkata, pihaknya sedang giat menambah penyertaan golongan profesional industri bagi menjayakan hasrat kerajaan tersebut.

Katanya lagi, hubungan erat dengan pihak industri merupakan kekuatan UTeM dalam memastikan kejayaan program ini. Beliau juga menyeru pihak industri untuk menggunakan peluang ini dengan sebaiknya bagi meningkatkan produktiviti dan memantapkan modal insan dalam organisasi.

Ahmad Yusoff kemudiannya menandatangani MoA bersama enam syarikat iaitu Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd. (CTRM), Infineon Technologies (Kulim), Infineon Technologies (Melaka), Solid Precision Engineering, National Semiconductor (Melaka) serta Rubber Leisure Products Sdn. Bhd.

KANDUNGAN

- UTeM IPTA Teknikal Pertama Tawar Program PhD Industri | Naib Canselor Terima Anugerah Kepimpinan | Program Peningkatan Kualiti Graduan Melalui KPT - WD “campus Connect” | UTeM Anjurkan Taklimat Isu Semasa Penjawat Awam | UTeM Jadi Rujukan Pengurusan Kualiti Pengajian Tinggi Teknikal Negara Asia Pasifik | Bengkel Untuk Pensyarah Kanan Politeknik Malaysia – BPPI | Skuad Perodua ERA Gegarkan Kampus Induk | Puspanita UTeM Lancar Portal Rasmi | Hampir 4 Ribu Pegawai Dan Atlet Lapor Diri Sempena SUKUM 36 | Perasmian SUKUM 36 Penuh Gilang Gemilang | UTeM Ungguli Acara Berbasikal Di SUKUM 36, 2011 | Olahraga Catat 13 Rekod Baru | Wajah-wajah SUKUM 36 | Hari Penyelidikan FKM Tonjol Produk Berprestasi Tinggi | Klinik Pelajar Anjur Program Kesihatan Wanita | Mahasiswa Gotong-royong Bakar Lemang Eratkan Hubungan Dengan Masyarakat | Staf Fakulti Kejuruteraan Elektrik Tabur Bakti Bersama Warga Emas | Kursus Induksi Umum Bil 3/2011 Bentuk Semangat Kerja Berpasukan | Program ‘UTeM Terbilang’ Bentuk Jati Diri dan Semangat Kerja Berpasukan Yang Tinggi | Program Motivasi Diri Tekankan Aspek Kerja Berprestasi Tinggi | Berita Perkahwinan | Majlis Ramah Mesra Bersama Tun Canselor UTeM | Personaliti Pilihan



BERITA
 MELESTARI INFORMASI KOMUNITI BERINOVASI



Editor BERITA@UTeM

KETUA EDITOR :

Prof. Madya Mohd Rahimi
Bin Yusoff

PEN. KETUA EDITOR :

Fazidah Binti Ithnin

WARTAWAN :

Mohd Khairulhusaini Bin Mohd Saad
Bob Faizeli Bin Mohamed Din

REKA BENTUK GRAFIK :

Aziza Binti Md Buang
Suria Binti Abdul Rahman
Zaffaruddin Bin Hamzah

JURUFOTO :

Md. Nor Bin Mohamad Saleh
Nurulidayu Binti Talib
Mohd Farid Bin Supangi
Asri Bin Abu
Ahmad Saufie Bin Jaffar
Zaffaruddin Bin Hamzah

PENGEDARAN :

Yang Sarinah Binti Mohd Talib
Mohammad Taufik Bin Osman

Apa pandangan anda mengenai BERITA@UTeM ?
Hantarkan pandangan / cadangan / sumbangan bahan anda melalui e-mail ke berita@utem.edu.my

Hak Cipta Terpelihara
Pejabat Perancangan Dan Komunikasi Korporat, Canselor
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya
76100 Durian Tunggal, Melaka
Tel : +606 331 6248 / 6249
Faks : +606 331 6247

Naib Canselor Terima Anugerah Kepimpinan

23 Julai: Kepimpinan Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan dalam membawa kecemerlangan universiti teknikal mendapat perhatian banyak pihak. Atas usaha tersebut, baru-baru ini beliau telah dicalonkan sebagai penerima Anugerah Kepimpinan Pendidikan daripada Yayasan Insan Melaka dalam satu majlis yang diadakan di MITC Ayer Keroh.

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Yang Dipertua Yayasan Insan Melaka, Dato' Seri Dr. Saharuddin bin Awang Yahya disaksikan oleh tetamu kenamaan yang hadir. Menurutnya, anugerah yang disampaikan kepada Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff adalah berdasarkan kepada jasa bakti beliau terhadap yayasan, negeri Melaka dan negara.



Program Peningkatan Kualiti Graduan Melalui KPT - WD "Campus Connect"


14 Julai: UTeM telah dilantik sebagai penyelaras usahasama di antara Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan syarikat gergasi Western Digital (WD) melalui program yang dikenali sebagai KPT- WD Campus Connect.

Justeru, satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi telah diadakan di Kampus Induk UTeM bersama wakil-wakil dari KPT, WD, IPTA dan politeknik.

Menurut Dr. Kadim, mesyuarat tersebut membincangkan pelaksanaan program yang telah dirancang bersama pihak WD melibatkan IPTA dan politeknik. Jelas beliau, "Program Campus Connect merupakan penghubung antara universiti dan WD untuk sama-sama menyumbang kepada penghasilan graduan yang berkualiti tinggi dan kompeten dalam industri," katanya.

Antara program yang diberi tumpuan ialah kolaborasi penyelidikan bersama, latihan industri staf dan mahasiswa di WD serta perkongsian ilmu melalui ceramah eksekutif yang disampaikan oleh pakar-pakar teknikal dari syarikat tersebut.

Jelas Dr. Kadim, "Program yang telah disusun oleh WD dan KPT bakal melahirkan graduan yang sangat diperlukan oleh industri dan secara tidak langsung mencipta peluang untuk penerokaan penyelidikan yang lebih luas," katanya. Beliau juga berharap agar segala perancangan yang dibuat akan dilaksanakan dengan jayanya hasil kerjasama erat antara KPT, universiti dan industri.



UTeM Anjurkan Taklimat Isu Semasa Penjawat Awam


5 Julai: UTeM telah menganjurkan taklimat isu semasa untuk semua penjawat awam baru-baru ini bertempat di Dewan Besar UTeM.

Antara tetamu penceramah yang diundang khas ialah Jasmi Ismail dari Biro Tatanegara dan Penolong Pesuruhjaya Polis (ACP) Raja Shahrom Raja Abdullah yang merupakan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Negeri Melaka.

Menurut Pengarah program ini Masdarif Mahat berkata, taklimat ini diadakan untuk memberikan pendedahan semasa kepada kakitangan UTeM yang merupakan penjawat awam tentang hal-hal semasa yang berlaku di dalam negara kita.

Tambah beliau lagi, isu-isu semasa yang diketengahkan lebih kepada perkara-perkara yang boleh menyumbangkan dalam aspek menjaga keamanan dan keharmonian sejagat sebagai kakitangan awam.

Dengan adanya sesi taklimat ini maka kakitangan UTeM mendapat maklumat lanjut dan terkini serta sahih tentang isu-isu semasa serta peranan kerajaan dalam memupuk budaya hidup sejahtera menerusi kepelbagaian bangsa dan agama di negara kita.



Bengkel Untuk Pensyarah Kanan Politeknik Malaysia – PBPI

15 Julai: UTeM telah menjadi pilihan utama Jabatan Pengajian Politeknik Malaysia dalam mendalami kepakaran kaedah Pembelajaran Berasaskan Hasil (OBE) dan Kemahiran Insaniah (KI).

Bagi mencapai tujuan tersebut seramai 30 orang pensyarah kanan Politeknik dari seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak telah mengikuti Bengkel Latihan Modul OBE dan KI Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Politeknik Malaysia di Kampus Induk baru-baru ini.

Menurut Pengarah Program Aziz Yahya yang merupakan Ketua Jabatan Pembangunan Insan, Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) UTeM berkata, antara matlamat utama program ini adalah untuk melengkapkan pensyarah-pensyarah Politeknik Malaysia dengan kefahaman mendalam terhadap OBE dan KI.

Banyak aktiviti dan program yang telah dilaksanakan sebagai pengisian program selama empat hari ini yang menyentuh sepenuhnya OBE, konsep 'Constructivism', kaedah 'Inquiry' dan 'Co-Inquiry', penerapan KI dalam OBE, pengukuran dan penilaian KI dan OBE serta 'Microteaching'.



UTeM Jadi Rujukan Pengurusan Kualiti Pengajian Tinggi Teknikal Negara Asia Pasifik

12 Julai: UTeM yang menerajui pengajian tinggi teknikal negara terus mendapat perhatian antarabangsa apabila dikunjungi oleh 30 delegasi kerajaan negara-negara Asia Pasifik semalam.

Kunjungan itu bersempena Program Kecemerlangan Pendidikan Teknikal, Vokasional dan Latihan Melalui Akreditasi yang dianjurkan oleh Colombo Plan Staff College (CPSC) Filipina dengan kerjasama Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang diadakan di Bandaraya Melaka bermula 11 hingga 20 Julai.

Melalui lawatan tersebut, delegasi dibawa meninjau kemudahan pembelajaran teknikal yang terdapat di universiti itu serta taklimat mengenai pengurusan kualiti dan akreditasi yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi UTeM, Prof. Madya Mohd Shahdan Md. Lani.

Menurut Ketua Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengajian Politeknik KPT, Mohd Amin Hamad berkata, "Lawatan ke UTeM adalah untuk memberi pendedahan berguna serta menjadi rujukan kepada peserta dalam membangunkan program-program teknikal dan vokasional di negara masing-masing," jelas beliau.

Katanya lagi, delegasi yang menghadiri program tersebut merupakan pegawai-pegawai kanan kerajaan dalam pendidikan teknikal dan vokasional dari Pakistan, Mongolia, Fiji, Thailand, Papua New Guinea serta beberapa negara lain termasuk Malaysia.



Skuad Perodua ERA Gegarkan Kampus Induk

26 Julai: Kampus Induk UTeM digegarkan dengan kehadiran krew Skuad Perodua ERA yang dalam jadual promosi di Bandaraya Melaka baru-baru ini. Kunjungan tersebut telah menarik perhatian hampir 100 orang pelajar dan staf yang tidak mahu melepaskan peluang untuk mendapatkan cenderamata istimewa stesen radio yang popular itu.

Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan pada hari itu antaranya kuiz serta permainan interaktif yang menawarkan hadiah yang istimewa. Kesempatan tersebut telah digunakan sepenuhnya oleh peserta yang terdiri daripada pelajar-pelajar yang pada ketika itu sedang dalam waktu rehat.

Terdahulu, Skuad Perodua ERA diraikan dalam satu majlis ringkas yang dianjurkan oleh Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat (PPKK) di Bangunan Canselori. Majlis tersebut diadakan sebagai tanda terima kasih di atas sokongan yang diberikan kepada UTeM dalam mempromosikan universiti ini kepada umum.



PUSPANITA UTeM Lancar Portal Rasmi



1 Julai: Puspanita cawangan UTeM telah mengadakan Majlis Pelancaran Portal Rasmi bertempat di Auditorium Pusat Pengajian Siswazah (PPS) baru-baru ini.

Menurut Pengerusi Puspanita UTeM, Datin Sara binti Ayub berkata, objektif utama diadakan portal tersebut adalah sebagai satu saluran atau medium bagi hebahan aktiviti yang akan diadakan oleh Puspanita UTeM kepada ahli-ahli dan panduan umum untuk semua pihak.

Seterusnya portal rasmi ini dapat memberi implikasi yang besar kepada pertubuhan itu untuk dikenali oleh ahli Puspanita yang lain khususnya dan secara tidak langsung dapat mempromosikan UTeM kepada masyarakat luar.

Tambah beliau lagi, portal rasmi Puspanita UTeM ini juga berfungsi sebagai rujukan kepada semua ahli untuk mengetahui maklumat terkini berhubung aktiviti-aktiviti yang ingin diadakan sekaligus dapat berkongsi ilmu antara satu sama lain dalam apa jua aktiviti yang diadakan.

Dengan adanya portal rasmi Puspanita UTeM ini, pelbagai aktiviti dapat dihebahkan seperti aktiviti kemasyarakatan, program santapan rohani dan aktiviti keilmuan, ujar beliau lagi kepada pihak media di sini.

Perasmian **SUKUM 36** Penuh Gilang Gemilang

12 Julai: Lebih 4000 orang membanjiri Stadium UTeM sempena perasmian Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) ke 36 yang penuh gilang-gemilang baru-baru ini.

Majlis Perasmian SUKUM 36 telah dirasmikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM Datuk Ir Dr Haji Ahmad Zaidee Laidin di hadapan 21 kontinjen SUKUM daripada 20 buah universiti-universiti awam Malaysia dan satu kontinjen dari Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT).

Antara tetamu kenamaan yang turut hadir di majlis perasmian ini ialah Datuk Gan Tian Loo Pengerusi Jawatankuasa Negeri Pelajaran, Belia & Sukan, Datuk Wira Omar Kaseh Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Dato' Prof Dr Rujhan Mustafa Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi KPT.

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi Prof Dato Dr Mohamad Kadim Suaidi yang membaca ucapan Naib Canselor UTeM Prof Datuk Dr Ahmad Yusoff Hassan berkata, SUKUM ke 36 ini berobjektif untuk meningkatkan pembangunan sukan staf ke arah kecemerlangan.

Selain itu universiti juga melihat para atlet menjadi role model atau contoh khususnya kepada golongan pelajar yang mana Dasar Sukan Negara turut menggariskan peranan IPT antaranya menggalakkan pelajar mengambil bahagian dalam aktiviti sukan secara aktif.

Pelbagai aktiviti menarik yang telah dilaksanakan antaranya perbarisan masuk kontinjen dari setiap universiti bertanding termasuk kontinjen UTeM yang dianggotai seramai 258 orang.



Hampir 4 Ribu Pegawai Dan Atlet Lapor Diri Sempena SUKUM 36

8 Julai: UTeM menerima kehadiran hampir 4,000 atlet dan pegawai universiti-universiti awam seluruh negara yang menyertai Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia kali ke-36 (SUKUM Ke-36) yang berlangsung di UTeM mulai hari ini hingga 17 Julai.

Dalam satu tinjauan yang dilakukan di Pusat Sukan UTeM, sekretariat dan sukarelawan sedang sibuk membuat semakan pendaftaran atlet serta mengagih-agihkan jadual pertandingan. Manakala ketua-ketua kontinjen juga turut membuat semakan terakhir bagi memastikan kelancaran pendaftaran atlet. Sebanyak 20 kontinjen IPTA dan satu kontinjen dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) akan menyertai sebanyak 21 acara sukan yang dipertandingkan antaranya bola sepak, olahraga, bola jaring, berbasikal serta beberapa acara lain.

Dalam pada itu, kebanyakan kontinjen juga telah mula memasuki perkampungan sukan di Kolej Kediaman Emerald, Bukit Beruang dan Taman Tasik Utama, Ayer Keroh. Mereka akan memulakan pertandingan bagi acara olahraga dan berbasikal yang bermula Sabtu ini.



UTeM Ungguli Acara Berbasikal Di SUKUM 36, 2011

10 Julai: Kem pasukan UTeM ceria pada hari pertama Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) dengan pasukan lumba basikal telah mengungguli pingat emas di dalam kategori senior dan veteran.

Pingat pertama emas kejohanan ini dimenangi oleh Amirruddin Jamaludin bagi kategori senior manakala bagi kategori veteran pula telah dimenangi oleh Ishak Amin. Perlumbaan sejauh 20 kilometer ini di sertai oleh 9 IPTA dimulai di kawasan stadium UTeM yang melalui jalan dan Pekan Durian Tunggal, Jalan Gangsa dan masuk semula ke Kampus Induk UTeM.

Pasukan UTeM juga memenangi emas bagi acara berpasukan senior dengan barisan pelumbanya Amirruddin b. Jamaludin, Ahmad Rhafae b. Samsudin, Mohd. Khairul Akmal b. Mohd. Noor, Najib b. Abdullah dan veteran pula dibarisi oleh Ishak b. Amin, Amir Sharifuddin b. Mohd. Yasin, Zulkifli b. Abidin, Abdul Rahim b. Muslim dengan semua pelumba dapat menghabiskan perlumbaan.

Kejayaan ini seiring dengan pemilihan UTeM sebagai pusat sukan tumpuan bagi acara berbasikal Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dimana pemilihan UTeM adalah berdasarkan kepada kepakaran yang ada di universiti ini.





Olahraga Catat 13 Rekod Baru

11 Julai: Sukan Staf Universiti Malaysia Ke-36 (SUKUM 36) yang berlangsung di Kampus Induk UTeM Durian Tunggal menyaksikan 13 rekod baru kejohanan dicipta dalam acara olahraga kelmarin.

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mendahului kontinjen lain dengan memecahkan enam rekod dan seterusnya melebarkan penguasaan dalam acara balapan. Bagi acara 100 meter wanita, Nurhaslinda Md Husin (UniMAP) mencatat masa 13.4 saat berbanding rekod terdahulu 13.5 saat.

Sementara itu, atlet negara Muhammad Idris Zakaria dari universiti yang sama mengungguli acara 400 meter lelaki dengan catatan 53.1 saat memperbaiki masa tahun sebelumnya iaitu 57.3 saat. Manakala Mohd Haffis Mansor (UniMAP) turut melakar sejarah SUKUM 36 apabila memecahkan dua rekod dalam acara 800 meter dan 5,000 meter dengan catatan 2.05 minit dan 16.59 minit.

Bagi acara olahraga veteran, A. Jegatheesvaran dari Universiti Sains Malaysia (USM) mengungguli dua acara iaitu 1,500 meter dan 5,000 meter dengan catatan rekod baharu 4.41 minit dan 18.27 minit. Pasukan tuan rumah turut tidak ketinggalan menyumbang kepada rekod baru kejohanan apabila gandingan mantap pelari pecut veteran UTeM mencatatkan masa 50.3 saat dalam acara 4 x 100 meter.

Acara lontar peluru kategori lelaki turut menyumbang kepada rekod baru kejohanan menerusi Mohamad Malek Ahmad Tobias dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan lontaran sejauh 13.19 meter mengatasi rekod tahun sebelumnya iaitu 12.98 meter.

Dalam pada itu, acara merejam lembing turut mencipta rekod baru apabila Kapten (B) Abd. Wahid Sulaiman (UTeM) membuat lontaran sejauh 42.35 meter mengatasi rekod sebelumnya. Atlet dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) turut mencipta rekod dalam acara yang sama apabila Nurulhuda Md Akhir mencatat 38.38 meter memadamkan rekod terdahulu 26.98 meter.



Wajah-wajah SUKUM 36



Hari Penyelidikan FKM Tonjol Produk Berprestasi Tinggi

20 Julai: Penyelidik dan mahasiswa digesa untuk melakukan anjakan pemikiran bagi menghasilkan penyelidikan yang mampu memberi impak kepada dunia kejuruteraan.

Demikian saranan yang dibuat oleh Prof. Dr. Md. Razali Ayob, Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) UTeM ketika merasmikan Hari Penyelidikan FKM 2011 di Kampus Industri, Ayer Keroh hari ini.

Hari Penyelidikan FKM yang dianjurkan mempamerkan hasil penyelidikan pensyarah dan pelajar tahun akhir manakala sebanyak 15 Projek Sarjana Muda (PSM) dari setiap jabatan fakulti dipertandingkan. Hasil penyelidikan yang dipertandingkan meliputi penyertaan dari Jabatan Thermal Bendalir, Jabatan Struktur Bahan, Jabatan Automotif dan Jabatan Rekabentuk dan Inovasi.

Antara yang menarik perhatian pengunjung ialah motorsikal berkuasa elektrik dikenali sebagai E-Bike yang dihasilkan oleh Safarudin Gazali, seorang pensyarah di Jabatan Thermal Bendalir.

“Menerusi E-Bike, roda motorsikal akan dipacu oleh kuasa elektrik yang dibekalkan oleh bateri dan ianya mampu bergerak dengan halaju maksimum 80 km/sejam,” jelas Safarudin ketika melakukan demonstrasi kenderaan itu.

Selain E-Bike, terdapat lebih 40 produk dan hasil penyelidikan lain yang dipamerkan kepada umum. Pelajar-pelajar dari Kolej Komuniti Bukit Beruang turut tidak melepaskan peluang untuk hadir dan melihat dengan dekat bahan-bahan penyelidikan yang disediakan.



Mahasiswa Gotong-royong Bakar Lemang Eratkan Hubungan Dengan Masyarakat

25 Julai: Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) bersama Jawatankuasa Kediaman Mahasiswa Luar (JKML) dengan kerjasama Persatuan Penduduk Taman Tasik Utama (TTU), Ayer Keroh, telah menganjurkan program Gotong Royong Membakar Lemang sempena menyambut bulan Ramadhan di perkarangan Surau TTU kelmarin.

Menurut Felo JKML yang juga Penyelaras Program ini Amir Ali, ianya bertujuan bagi memupuk semangat kejiwaan di kalangan pelajar-pelajar yang tinggal di luar kolej kediaman agar sentiasa berada dalam komuniti masyarakat yang hidup berjiran, meningkatkan lagi minat golongan pelajar dalam aktiviti khidmat sosial serta menjadi perangsang kepada mahasiswa UTeM untuk terus bergiat dalam masyarakat.

Seramai 50 orang pelajar dan penduduk TTU terlibat dalam aktiviti bergotong royong membakar lemang tersebut. Di akhir program, sebanyak 1500 batang lemang telah disiapkan dan kemudiannya diagih-agihkan kepada penduduk taman berkenaan dan pelajar-pelajar UTeM.



Klinik Pelajar Anjur Program Kesihatan Wanita

1 Julai: Klinik Pelajar, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UTeM dengan kerjasama Poliklinik Komuniti Durian Tunggal telah menganjurkan program Kesihatan Wanita di Auditorium Canselor, Kampus Induk baru-baru ini.

Lebih daripada 200 kakitangan wanita UTeM tidak melepaskan peluang dengan menghadiri program ini bagi mengikuti ceramah kesihatan dan pemeriksaan kesihatan di sini.

Menurut pegawai kesihatan UTeM Dr. Noor Raffidah Haron, program ini bertujuan memberi pendedahan tentang penyakit kanser serviks dan payudara dan amalan pemakanan yang sihat melalui ceramah dari pakar sakit puan dan pakar pemakanan serta pemeriksaan payudara dan pap smear secara percuma. Di samping itu terdapat pameran dan pemeriksaan kesihatan yang berlangsung pada hari yang sama dan terbuka untuk semua warga UTeM. Di antara pemeriksaan kesihatan yang telah dijalankan adalah BMI, analisis lemak dalam badan, analisis ketumpatan kalsium dalam tulang, pemeriksaan tekanan darah, konsultasi perubatan dan pakar pemakanan.

Tambah beliau lagi, antara lain program ini juga berupaya membentuk kesedaran kesihatan terhadap golongan wanita mengenai bahaya penyakit kanser serviks dan payu dara.



Staf Fakulti Kejuruteraan Elektrik Tabur Bakti Bersama Warga Emas



21 Julai: Kehidupan penghuni Rumah Seri Kenangan, Cheng Melaka diserikan dengan kehadiran seramai 40 orang staf Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) UTeM yang meluangkan masa beramah mesra serta menjalankan aktiviti amal bersama warga emas baru-baru ini.

Program tersebut dianjurkan oleh Jawatankuasa Kebajikan Staf FKE yang disertai oleh staf pentadbiran, pensyarah dan diketuai oleh Dekan, Prof. Madya Dr. Zulkiflie Ibrahim.

Ketika ditemui Dr. Zulkiflie menjelaskan bahawa tujuan program itu diadakan adalah untuk menyemai rasa kasih sayang serta menghargai warga emas yang telah banyak berkorban dan menabur jasa kepada bangsa dan negara. Kata beliau, “Generasi muda perlu sentiasa prihatin dengan sanubari ibu bapa, hendaklah kita sentiasa taat kepada mereka supaya kehidupan yang kita lalui ini mendapat keberkatanNya.

Menurut Dr. Zulkiflie lagi, program yang dianjurkan ini secara tidak langsung memberi pendedahan kepada anak buahnya mengenai peri pentingnya menyayangi ibu bapa yang telah mendidik serta membesarkan anak tanpa mengharapkan sebarang balasan.

Justeru, harapan beliau agar program ini akan meninggalkan kesan mendalam kepada staf yang terlibat dan seterusnya mendidik masyarakat untuk sama-sama menghargai ibu bapa.

Program 'UTeM Terbilang'

Bentuk Jati Diri & Semangat Kerja Berpasukan Yang Tinggi

4 Julai: Program UTeM Terbilang berjaya membentuk jati diri dan semangat kerja berpasukan yang tinggi di kalangan kakitangan baru UTeM. Seramai 33 orang staf baru UTeM telah menyertai program UTeM Terbilang di Tropical Fruit Farm Sungai Udang, Melaka baru-baru ini.

Antara objektif utama diadakan program UTeM Terbilang ini adalah untuk meningkatkan serta memartabatkan kakitangan yang bermaruah, berkeperibadian tinggi dan nasional, berakhlak mulia, komited kepada tanggungjawab dan kerjaya serta sentiasa berusaha ke arah kecemerlangan.

Program anjuran Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) itu bertujuan memberi pendedahan terhadap fungsi pelbagai jabatan di universiti ini, di samping penerapan semangat berpasukan dan nilai-nilai murni sebagai penjawat awam.

Selain itu, dengan adanya program seperti ini para peserta mampu menghayati serta mengamalkan konsep Winning Attitudes kakitangan yang mempunyai daya kepimpinan yang berkualiti, berwawasan serta memiliki ketahanan fizikal, kekentalan mental dan spiritual.

Pelbagai aktiviti yang menjurus kepada pembinaan jati diri telah dijalankan selama program berlangsung, antara aktiviti itu adalah seperti merempuh halangan berpasukan yang memerlukan kerjasama erat di kalangan peserta program.



Kursus Induksi Umum Bil 3/2011 Bentuk Semangat Kerja Berpasukan

18 Julai: Unit Pengesahan Perkhidmatan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) telah menganjurkan Kursus Induksi Umum Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Gred 27-29 Bil 3/2011 bertempat di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Sepanjang tempoh kursus, peserta telah didedahkan dengan pelbagai aspek seperti dasar-dasar kerajaan, Pekeliling-pekeling Perkhidmatan Awam, pembentukan keyakinan diri dan semangat berpasukan. Ceramah berkaitan isu sensasi seperti integriti turut diadakan bagi memupuk kefahaman yang jelas di kalangan peserta.

Selain sesi ceramah, penganjur turut menyediakan aktiviti luar secara berkumpulan yang nyata menguji ketahanan fizikal dan mental peserta. Aktiviti jungle trekking telah diadakan di samping aktiviti merempuh halangan berpasukan, telematch serta pertandingan senamrobik.



Program Motivasi Diri Tekankan Aspek Kerja Berprestasi Tinggi

100 kakitangan UTeM telah menghadiri program motivasi kerja yang menekankan produktiviti kerja yang berprestasi tinggi ke arah kejayaan berterusan universiti ini.

Program Motivasi Kerja bertajuk 'Baguskah Aku?' anjuran Bahagian Kesejahteraan Personel Pejabat Pendaftar telah berlangsung di Dewan Auditorium Canselor Kampus Induk baru-baru ini.

Menurut kenyataan wakil Pejabat Pendaftar UTeM berkata, antara objektif utama penganjuran program ini adalah untuk memberi perangsang dan semangat kepada para peserta ke arah menjadi pekerja yang lebih cemerlang dan produktif.

Sehubungan itu menerusi program ini juga para peserta turut diberi penjelasan dan pemahaman yang lebih menyeluruh teori dan teknik motivasi dalaman dan luaran yang berkesan disamping meningkatkan kemahiran dan keyakinan diri dalaman hubungan di tempat kerja.

Penceramah jemputan bagi program ini ialah Mohd Akmal bin Mustapa, Pegawai Psikologi, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan yang turut berkongsi pengalaman luas beliau dalam bidang motivasi ini.

Para peserta program yang terdiri daripada kakitangan pentadbiran dan akademik UTeM turut didedahkan dengan pelbagai teknik motivasi peningkatan sendiri sendiri tabiat kerja yang baik, corak pemikiran positif serta cara menguruskan pihak atasan.



Lahniah

Berita@UTeM mengucapkan selamat pengantin baru kepada pasangan berikut yang telah melangsungkan perkahwinan baru-baru ini.



Mohd Hafizuddin bin Yusof (Penerbit Universiti) bersama pasangannya **Fadilah binti Ahmad Idris** yang melangsungkan perkahwinan pada **1 Julai 2011.**



Asrulhafiz bin Dzulkifli (Canselor) bersama pasangannya **Milahmawarti binti Alidin** yang melangsungkan perkahwinan pada **2 Julai 2011.**

Personaliti Pilihan



DR. TAY CHOO CHUAN
PENYELARAS PROGRAM (PENYELIDIKAN)
PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH

Dr. Tay Choo Chuan mula berkhidmat di UTeM pada tahun 2004. Selain menjalankan tugas hakiki sebagai pensyarah, beliau juga merupakan orang penting dalam mempromosikan PPS kepada pihak luar

Nama Dr. Tay tidak asing lagi dalam arena olahraga di UTeM. Semangat dan kesungguhan beliau dibuktikan apabila menyumbang pingat dalam Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) ke-36 yang berlangsung baru-baru ini.

Kesibukan tugas di pejabat tidak menghalang Dr. Tay melaksanakan tugasnya sebagai pembimbing kepada mahasiswa. Beliau banyak melibatkan diri dalam program mahasiswa antaranya Penasihat Spring Festival UTeM, Penceramah Minggu Haluan Siswa serta Penasihat Kelab Kebudayaan dan Kesenian Cina UTeM.



NOR ATEKAH BINTI OMAR @ MAHMUD JURUAUDIT
UNIT AUDIT DALAM, CANSOLORI

Nor Atekah memulakan perkhidmatan di UTeM pada tahun 2003 dan kini bertugas di Bahagian Audit Dalam, Cansolori. Berasal dari Ujong Pasir Melaka, Atekah merupakan seorang yang aktif dalam bidang sukan.

Ibu kepada 2 orang cahaya mata ini amat meminati sukan bola sepak. Seorang peminat setia pasukan Liverpool, Atekah akan menghabiskan masa lapangnya menonton perlawanan yang melibatkan pasukan kesayangannya itu.

Selain menonton perlawanan bola sepak, Atekah juga merupakan seorang penggemar muzik. Beliau akan meluangkan masa mendengar pelbagai jenis muzik untuk menenangkan mindanya. Seorang yang kaya dengan senyuman, Atekah juga merupakan salah seorang penerima Anugerah Khidmat Cemerlang pada tahun ini.



Majlis Ramah Mesra bersama Tun Canselor UTeM

29 Julai : Majlis Ramah Mesra Bersama Tun Canselor UTeM telah berlangsung dalam suasana yang meriah di dusun durian Kampus Induk baru-baru ini. Cuaca yang baik pada hari tersebut ditambah pula dengan pelbagai jenis buah-buahan tempatan terutama sekali durian telah membuka selera para tetamu yang hadir pada petang itu.

Ketibaan Tun Canselor ke dusun durian telah disambut oleh Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan, Naib Canselor UTeM serta Pegawai-pegawai Kanan Universiti yang lain. Tun Canselor dan para tetamu undangan kemudiannya dijamu dengan pelbagai jenis durian serta buah-buahan tempatan.

Majlis pada tahun ini menampilkan kelainan apabila Tun Canselor serta barisan kepimpinan tertinggi universiti meluangkan masa bersama-sama warga media negeri Melaka di dusun UTeM bagi menikmati jamuan buah-buahan tempatan.

Jamuan bersama pihak media diadakan sebagai mengenang jasa pengamal media di negeri ini atas sokongan padu terhadap universiti. Lebih sedekad penubuhan UTeM, majlis ini dilihat dapat mengeratkan hubungan baik yang terjalin sejak sekian lama.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Pro Canselor, Tan Sri Datuk Dr. Johari bin Mat, Pengerusi LPU Datuk Ir. Dr. Ahmad Zaidee bin Laidin, Timbalan-timbalan Naib Canselor serta Ketua-ketua Biro media Melaka.

Keseronokan jelas terpancar di wajah warga media apabila Tun Canselor sendiri yang mengagih-agihkan buah-buahan terutama sekali durian kepada mereka.

Terdahulu, Tun Canselor telah bersolat Jumaat bersama warga universiti ini yang dipimpin oleh Dr. Radzuan bin Nordin, Pengarah Pusat Islam UTeM.



Salam Aidilfitri

Daripada Warga UTeM

Salam Aidilfitri ditujukan khas untuk seluruh kakitangan FKP, dan warga UTeM umumnya. Semoga lebaran memberikan seribu makna dan kesyukuran. Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin.

Ilyana Abdullah
Pelajar Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Pengurusan)

Salam lebaran daripada saya dan keluarga. Ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada seluruh warga UTeM di mana jua anda berada.

Engr. Tajul Ariffin bin Abdullah
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)

Saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga UTeM terutama sekali warga kerja FKEKK dan mohon maaf sekiranya terdapat silap dan salah. Ampun dan maaf dipinta, semoga berbahagia di hari yang mulia ini. Amin.

Siti Nurbaizura binti Omar
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK)

Saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin khas untuk warga FKE serta seluruh staf UTeM. Ketika makan lemang, ketupat dan rendang jangan lupakan sahabat yang lain, jangan memandu dengan laju, jangan main mercun dan amalkan sikap sabar selalu.

Abd. Aziz bin Hj. Mustapa
Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)

Salam Aidilfitri buat seluruh staf UTeM terutama sekali yang berada di Pusat Komputer. Moga hari yang dinantikan ini memberi seribu kenangan indah buat semua. Berhati-hati di jalan raya serta sambutlah Aidilfitri dengan penuh kesyukuran.

Hisamuddin bin Kamarudin
Pusat Komputer

Selamat Hari Raya Aidilfitri & Maaf Zahir Batin. Semoga Syawal kali ini menggamit kegembiraan dengan seribu kenangan terindah bersama keluarga tercinta dan insan tersayang. Kami doakan kesejahteraan anda untuk selamat sampai ke destinasi. Kami memohon maaf di atas segala kesulitan yang dihadapi, terkasar bahasa, dan apa jua tindakan yang tidak disegajakan.

Warga Pasukan Pejabat Naib Canselor

Yang jauh itu waktu, yang dekat itu kematian, yang besar itu nafsu, yang berat itu amanah, yang mudah itu berbuat dosa, yang panjang itu beramal soleh, dan yang indah itu SALING MEMAAFKAN. Mohon Maaf Zahir & Batin. Salam Aidilfitri buat semua.

Dr. Muhammad Takrimi bin Shahabudin
Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua warga UTeM. Di kesempatan ini juga saya ingin memohon ampun & maaf jika ada tersalah kata dan bicara serta dihalalkan makan dan minum saya. Semoga kita semua sentiasa dirahmati Allah.

Fazrol bin Othman
Pejabat Bendahari

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh staf UTeM, pegawai-pegawai, anggota dan mahasiswa yang menyertai Kor SUKSYS UTeM. Tidak dilupakan kepada warga PDRM di mana jua anda berada. Semoga bergembira bersama keluarga di hari lebaran ini. Maaf zahir dan batin.

Inspektor Daud bin Awang Min
Pegawai Latihan SUKSYS UTeM

Salam aidilfitri diucapkan kepada semua staf FKM, pelajar pelajar saya dan tidak dilupakan juga warga UTeM di mana jua berada. Semoga hari raya kali ini lebih bermakna untuk kita semua. Salam Aidilfitri, maaf zahir dan batin.

Nadlene Razali
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)

Ucapan selamat hari raya aidilfitri ditujukan khas buat seluruh warga UTeM, FTMK, rakan-rakan pensyarah, staf pentadbiran dan juga pelajar-pelajar yang saya kasihi. Mohon maaf zahir dan batin.

Ummi Raba'ah bt Hashim
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK)

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir & Batin kepada semua warga UTeM terutamanya kepada semua staf Pusat Pembelajaran Berterusan (PPB). Semoga Aidilfitri kali ini membawa seribu makna kepada semua.

Petang raya membakar lemang
Membakar lemang sambil bercerita
Aidilfitri kini datang menjelang
Tangan dihulur maaf dipinta

Siti Nabilah binti Zulkifly
Pusat Pembelajaran Berterusan (PPB)

Saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya kepada seluruh Warga UTeM. Semoga dengan kehadiran Syawal ini memberi sinar baru buat kita semua dalam melaksanakan tugas harian. Maaf zahir dan batin.

Zulkifli Bin Maskuri
Pejabat Perancangan & Komunikasi Korporat (PPKK)

Khas buat warga UTeM, Tiada kata yang bisa menggetarkan hati selain takbir Akbar, Selamat meraih kemenangan, semoga kembali ke fitrah, Minal Aidin Wal Faizin

Adnan Rachmat Anom Besari
Pelajar Antarabangsa UTeM (Indonesia)

Seluruh Sidang Editor Berita@UTeM mengucapkan

Selamat Hari Raya Aidilfitri



Datin Sara binti Azub
Pengerusi PUSPANITA UTeM

Assalamualaikum Wrt. Wbt. dan salam sejahtera, Segala puji-pujian bagi Allah SWT, Rabb sekalian alam, selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, seluruh keluarga dan sahabat baginda yang dimuliakan. Saya mengambil kesempatan ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, memohon kemaafan zahir dan batin kepada ahli-ahli jawatankuasa dan ahli-ahli PUSPANITA UTeM yang dikasihi juga seluruh pembaca Berita@UTeM yang dirahmati Allah SWT. Selamat bergembira di bulan Syawal yang mulia dengan penuh kesyukuran sebagai tanda kejayaan menunaikan perintah Allah SWT di sepanjang bulan Ramadhan al-Mubarak. Semoga amalan soleh kita diterima dan bertambah iman dan taqwa. Amin.

Misdam Bin Lan
Presiden
Persatuan Pegawai Tadbir & Iktisas (PRAKTIS)

Syukur ke hadrat Allah kerana dengan keizinannya kita dipertemukan dengan kemuliaan ramadhan pada tahun ini. Selamat menyambut ramadhan yang mulia, bulan penuh keberkatan dan gandaan ganjaran terhadap amalan yang dilakukan. Ramadhan adalah ujian dan latihan, manakala syawal adalah hari bergembira bagi seluruh umat Muhammad setelah berjaya melepasi ujian sebulan ramadhan. Ramadhan dan Syawal berupaya menjadi titik kebersamaan warga UTeM keseluruhannya melalui aktiviti-aktiviti yang dirancang. Justeru, saya mewakili semua ahli Persatuan Pegawai Tadbir & Iktisas (PRAKTIS) ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri 1432H kepada semua warga UTeM. Semarakkan amalan ziarah menziarahi sesama kita dan semoga Aidil Fitri tahun ini disambut dengan rasa kesyukuran dan kebahagiaan bersama keluarga dan sanak saudara.

Jaamal Navis bin Hj. Abd. Wahab
Presiden
Kesatuan Kakitangan Am UTeM (KEKUTeM)

Alhamdulillah. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana atas keberkatanNya kita masih diberi ruang dan peluang pada tahun ini untuk sama-sama menunaikan ibadah puasa dan akan merayakan Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi. Saya bagi pihak ahli jawatankuasa Kesatuan Kakitangan Am UTeM (KEKUTeM) ingin mengucapkan Salam Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada seluruh warga UTeM. Semoga kita diberikan keberkatan dan kesejahteraan oleh Allah SWT agar kita berpeluang menemui sinar Ramadhan dan Syawal di tahun mendatang.

Akmal Saufi bin Akmal Jawahir
Yang di-Pertua
Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM

Selawat ke atas Nabi Junjungan Besar kita Nabi Muhammad S.A.W. Di kesempatan bulan yang mulia ini saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri 1432H. Semoga kejayaan kita dalam melaksanakan ibadah puasa dapat keberkatan di dunia dan di akhirat. Jadikan Hari Raya kita semua sebagai lembaran baru dalam mencari keceriaan dalam kehidupan untuk bekalan hari akhirat. Semoga seluruh umat Islam dan warga UTeM khususnya dapat menikmati Hari Raya dengan penuh kebahagiaan dan senyuman. Bersama-samalah kita saling bermaafan di Hari Raya ini.

Zainal Bin Bidin
Pengerusi BAKUTeM

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, dengan izinya, kita dapat melalui Ramadhan yang penuh keberkatan ini dengan penuh keredaan. Saya juga mewakili ahli Badan Kebajikan Staf UTeM ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri dan sekiranya terdapat silap dah salah, sama-samalah kita memohon maaf. Semoga hadirnya lembaran ini kali ini memberi seribu keberkatan kepada semua. Semoga sentiasa berhati-hati sewaktu memandu di jalan raya, dan ingatlah keluarga tersayang yang sentiasa menanti kita serta tidak lupa juga semoga kita semua selamat kembali bertugas selepas Aidilfitri ini. InsyaAllah.

Prof. Madya Dr. Raja Norlan
Presiden
Persatuan Pegawai Akademik UTeM (UTeMASA)

Terlebih dahulu saya bagi pihak semua Ahli Majlis Eksekutif UTeMASA ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga akademik khususnya, dan warga UTeM, amnya. Ucapan ini juga ditujukan kepada semua ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Pengurusan Tertinggi Universiti, Ahli-ahli Senat Universiti, Pentadbir Universiti, pensyarah-pensyarah, Jurutera Pengajar, Guru Bahasa dan semua staf sokongan UTeM semoga sempena perayaan kali ini, kita akan lebih bertekad dan berusaha untuk mencapai visi dan misi universiti dengan lebih mantap serta ikhlas. Selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri serta maaf zahir dan batin.

Mohd Rahshidi Zakaria
Presiden
Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) Sesi 2011/2013

Saya mewakili Persatuan Alumni Universiti Teknikal Malaysia Melaka (AUTeM) ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri 2011M/1432H. Ayuh kita ziarah-menziarahi di Hari Raya Aidilfitri ini. Amalan ini adalah bertepatan dengan suruhan agama Islam itu sendiri, teruslah mengeratkan hubungan bersama sanak saudara mahupun sesama rakan alumni. Akhir kata, Salam Syawal buat semua alumni UTeM, Mahasiswa, Staf Akademik, Staf Bukan Akademik, seluruh keluarga UTeM & seluruh umat Islam. Selamat meraikan Syawal yang bakal menjelang tiba dengan penuh rasa syukur dan kemenangan. Allahuakbar.

**Salam
Aidilfitri**
Daripada
**Pengurusan Tertinggi
Persatuan-Persatuan UTeM**